

**PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK**

**PROJEK PELAJAR**

**PENCAPAIAN AKADEMIK YANG BERKUALITI DI KALANGAN**

**PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS**

**SAMARAHAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**DAYANG NORAZELINA HAMDAN**

**NOOR SHASRINA MOHD JOHARI**

**RASYIDI IBRAHIM**

**ROGAYAH SHAMSUDDIN**

**SITI AISHAH JAMEL**

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang Universiti Teknologi MARA Kampus Samaraham bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN**

**APRIL 2000**

## **ABSTRAK**

Bagi mencapai hasrat pendidkan negara Universiti Teknologi MARA telah membentuk wawasannya sendiri untuk menghasilkan bumiputera yang profesional, berkaliber, berdikari, berilmu untuk menghasilkan lulusan yang mempunyai keyakinan diri, berketrampilan, berdisiplin, bertaqwa, mempunyai kemahiran dan berpengetahuan serta mempunyai ciri-ciri-ciri keusahawanan.

Penyelidikan ini membincangkan mengenai pencapaian akademik yang berkualiti di kalangan pelajar UiTM Kampus Samarahan dan keberkesanan usaha UiTM Kampus Samarahan dalam mengatasi masalah yang berkaitan serta mengemukakan cadangan yang sesuai. Perbincangan yang dikemukakan berlandaskan beberapa kajian yang telah dijalankan serta berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan.

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati peranan yang dimainkankan oleh ibu bapa, pelajar, rakan-rakan, Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik, Ketua Program dan perpustakaan boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Selain daripada itu, terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi prestasi akademik pelajar UiTM Kampus Samarahan.

# **ISI KANDUNGAN**

## **KANDUNGAN**

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii

## **BAB 1 SINOPSIS**

1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Definisi	2
1.3 Wawasan UiTM	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Penyelidikan	5
1.6 Penyata Masalah	6
1.7 Hipotesis	6
1.8 Andaian	7
1.9 Tinjauan Kajian	9
1.10 Batasan Kajian	11

## **BAB 2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

2.1 Pengenalan	13
2.2 Latar belakang	13
2.3 Faktor-faktor mempengaruhi penurunan pencapaian akademik para pelajar di UiTM Kampus Samarahan	15

## **BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	18
1. Populasi Kajian	18
2. Sampel	18
3. Kaedah Pensampelan Rawak	19
4. Data Primer	20
5. Data Sekunder	21

## **BAB 4 PERANAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT**

4.1 Pengenalan	22
i. Para Pelajar	22
ii. Pensyarah	23
iii. Rakan-rakan	24
iv. Hal Ehwal Pelajar	24
v. Hal Ehwal Akademik	26
vi. Perpustakaan	27
vii. Ibu bapa	28

## BAB 1

### SINOPSIS

#### 1.1 Pengenalan Kajian

*“Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China”*

Pendidikan ataupun pencapaian akademik adalah kunci utama untuk sesebuah masyarakat untuk meningkatkan kualiti dirinya. Malah dapat kita simpulkan maju atau mundur masyarakat bergantung kepada pencapaian akademik yang telah dicapai. Dalam konteks pencapaian akademik peranan yang cuba dimainkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) amat bermakna sekali.

Pencapaian akademik yang cemerlang tidak hanya terletak di bahu tenaga pengajar tetapi juga peranan para pelajar itu sendiri untuk berusaha mencapai keputusan yang terbaik. Apa yang cuba dimainkan oleh tenaga pengajar ialah membimbang para pelajar yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan UiTM.

Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk menwujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

*“Bahawa semua manusia mempunyai keupayaan semulajadi untuk belajar.*

*Bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehendak dan keperluan masyarakat.*

*Bahawa pendidikan boleh memainkan peranan penting dalam mengubah status sosio-ekonomi masyarakat.*

*Bahawa sesuatu kejayaan hanya dapat dicapai ke tahap yang paling tinggi melalui pendidikan”<sup>1</sup>*

Pencapaian akademik yang berkualiti mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor tersendiri seperti tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, nota yang tidak lengkap, tidak membuat ulangkaji dan faktor-faktor sampingan yang lain yang tidak kita ketahui tanpa diselidiki.

## **1.2 Definisi**

Pencapaian dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang dicapai [achievement].<sup>2</sup> Ini bermakna dari sudut akademik pelajar, pencapaian bermaksud prestasi yang dicapai oleh pelajar dalam Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG). Selain itu, pencapaian juga merujuk kepada apa yang telah dicapai (dihasilkan atau diperoleh), prestasi.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Falsafah Pendidikan Negara, 1990, hlm.6

<sup>2</sup> Abdul Aziz Rahman, Kamus Masyarakat, 1999.

<sup>3</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1994.